

Cinta punca ramai gadis lari rumah

B14 24/9/12 MS1

Kuala Lumpur: Lari mengikut kekasih dikenal pasti salah satu faktor utama remaja, termasuk gadis sunti yang masih bersekolah rendah lari dari rumah.

Jerat cinta

Mengikut statistik polis bagi tempoh 2010 hingga Jun lalu, bahana cinta itu adalah punca kedua tertinggi mereka yang berumur 17 tahun ke bawah lari dari rumah dengan kebanyakan daripada mereka Melayu.

Daripada 1,309 kes lari mengikut kekasih sepanjang tempoh itu, 97.6 peratus atau 1,278 membabitkan gadis berusia sembilan hingga 17 tahun, berbanding 31 lelaki.

FAKTA NOMBOR

1,309

kes

lari mengikut
kekasih
sepanjang 2010



“Sebahagian besar **tidak tahu langsung ke mana anak pergi waktu malam dan selepas waktu sekolah.** Mereka juga membenarkan anak bermalam di luar”

Mohamed Fadzil Che Din,
Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia

▶ **1,309 KES**
remaja lari rumah
ikut kekasih

▶ **97.6 PERATUS**
babitkan remaja berusia
9 hingga 17 tahun



Gambar fail, Salsabila Yunan **mendapak bapanya** Yunan Mat Ayat 78, setiba dari Lombok, di LCCT Sepang, pada 2010.

B/H 24/9/12 MS 6.

Strategi salah kawal remaja



INFO

STATISTIK ORANG HILANG UNTUK SELURUH NEGARA BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2010 – 30 JUN 2012

	2010		1 - 8 tahun		9 - 12 tahun		13 - 17 tahun	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Mencari Pekerjaan	0	0	1	0	21	33		
Dipengaruhi Kawan	1	0	22	10	118	384		
Ikut Kekasih	0	0	0	7	9	477		
Ditipu Dijadikan Pelacur	0	0	1	0	0	3		
Tidak Minat Belajar	0	0	7	0	35	40		
Mencari Kebebasan di Luar Rumah	0	0	10	10	90	356		
Penagihan Dadah	0	0	0	0	2	6		
Berselisih Faham dengan Keluarga	0	2	7	11	78	194		
Kurang Mendapat Perhatian Keluarga	0	0	5	0	4	11		
Gagal Peperiksaan	0	0	0	0	0	5		

» Kes lari dari rumah kini menular kepada kanak-kanak

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Majoriti ibu bapa kanak-kanak dan remaja yang lari dari rumah didapati mengamalkan strategi kawalan tingkah laku yang lemah dan negatif terhadap anak.

Kajian mendapati mereka gagal mengawal dan memberi sokongan psikologi, terlalu memberi kebebasan, menghukum dengan tidak berfikir panjang tanpa mendengar penjelasan serta mengugut menarik balik kasih sayang.

Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, berkata kebanyakan ibu ba-

pa juga membenarkan anak mereka keluar pada waktu malam.

Lebih buruk lagi, ada yang membiarkan pulang balik lewat sesuka hati terutama pada hari minggu, selain membenarkan mereka berada di luar rumah sehingga melebihi jam 12 tengah malam.

Tiada kebahagiaan keluarga

“Malah, sebahagian besar tidak tahu langsung ke mana anak pergi waktu malam dan selepas waktu sekolah. Mereka juga membenarkan anak bermalam di luar. Kebahagiaan keluarga pula berada pada tahap rendah.

“Kawalan lemah oleh ibu bapa sebenarnya menolak remaja jauh dari keluarga, terutama yang mempunyai fungsi kognitif kurang matang,” katanya kepada BH.

Mohamed Fadzil berkata, lebih membimbangkan apabila keberanian lari dari rumah kini menular kepada kanak-kanak yang masih mentah, termasuk berusia sembilan tahun ke bawah.

“Keberanian itu boleh dikaitkan dengan kecelaruan untuk

INFO

Antara kesilapan ibu bapa

- ⊙ Gagal mengawal tingkah laku anak.
- ⊙ Tidak memberi sokongan psikologi
- ⊙ Terlalu memberi kebebasan.
- ⊙ Menghukum tanpa berfikir panjang dan mendengar penjelasan.
- ⊙ Mengugut menarik balik kasih sayang.
- ⊙ Membiarkan pulang lewat sesuka hati.

Maklumat responden lari

- ⊙ 61.5 peratus berasal dari bandar
- ⊙ 50.9 peratus tinggal bersama ibu bapa kandung
- ⊙ 64.4 peratus ibu bapa masih berkahwin
- ⊙ 22.9 peratus ibu bapa bercerai
- ⊙ 22.2 peratus mempunyai bapa berpoligami
- ⊙ 60.1 peratus mempunyai harga diri yang rendah
- ⊙ 60 peratus tidak berminat sekolah
- ⊙ Majoriti pernah ponteng, melakukan kesalahan tatatertib dan dihukum di sekolah

membuat keputusan tepat walaupun mengetahui mana yang baik dan buruk. Kajian juga mendapati kebanyakan mereka berkawan dengan rakan lebih dewasa, menjadikan kanak-kanak dan remaja lebih berani lari dari rumah,” katanya.

Remaja ingin perhatian

Dalam pada itu, beliau tidak menafikan ramai remaja yang inginkan perhatian mudah terjerumus dalam perangkap cinta buta, termasuk dengan pendatang asing sehingga sanggup lari dari rumah untuk hidup bersama.

“Bagaimanapun selepas tempoh tertentu, ramai merayu bantuan supaya dibawa pulang ke pangkuan keluarga. Inilah adalah satu kerugian yang semakin berleluasa di kalangan remaja sekarang,” katanya.

Selain itu, sebahagian remaja lari dari rumah kerana membebankan berikutan ibu bapa memaksa nilai ‘orang tua’ dari segi cara berpakaian, penampilan diri dan percakapan, di samping tekanan untuk sentiasa mencatat pencapaian cemerlang dalam pendidikan.




Gambar fail, Siti Nur Hidayah Mohd Razi, 13, mencium pipi ibunya selepas menceritakan pengalaman hampir dilarikan ke Lombok di rumahnya, di Kulim pada Jun 2010.

▶ **549** KES
remaja lari rumah
direkod tahun lalu

▶ **267** LAPORAN
kes remaja lari dilapor
setakat Jun tahun ini

" Hiburan untuk remaja perlu diseimbangi dengan siaran berunsur kekeluargaan dan patriotik yang dapat memberi impak positif untuk pembinaan insan berkualiti dan produktif"

Lee Lam Thye,
Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia



'Filem cinta, pengaruhi jiwa remaja'

Lambakan filem dan drama berunsur cinta mempunyai pengaruh kuat yang membuai perasaan remaja sehingga sanggup lari dari rumah mengikut kekasih.

Menurut Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thye pada peringkat umur remaja, mereka mudah jatuh cinta kerana sentiasa dahagakan perhatian serta ingin menimba pengalaman baru dan menarik.

"Justeru, hiburan untuk remaja perlu diseimbangi dengan siaran berunsur kekeluargaan dan patriotik yang dapat memberi impak positif untuk pembinaan insan berkualiti dan produktif.

Suriani Abdul Wahab, 21 memeluk ibunya, Siti Zaleko Wahab, **sebaik tiba dari Lombok**, di LCCT May lalu.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

BIH 24/9/12 MS 7.

2011

	1 - 8 tahun		9 - 12 tahun		13 - 17 tahun	
	L	P	L	P	L	P
Mencari Pekerjaan	0	0	2	0	24	50
Dipengaruhi Kawan	0	0	19	16	153	429
Ikut Kekasih	0	0	0	5	13	531
Ditipu Dijadikan Pelacur	0	0	0	0	1	2
Tidak Minat Belajar	0	0	3	2	42	44
Mencari Kebebasan di Luar Rumah	1	0	13	10	105	390
Penagihan Dadah	0	0	0	0	2	6
Berselisih Faham dengan Keluarga	2	0	4	6	92	200
Kurang Mendapat Perhatian Keluarga	0	0	2	1	1	14
Gagal Peperiksaan	0	0	0	0	0	3

2012

	1 - 8 tahun		9 - 12 tahun		13 - 17 tahun	
	L	P	L	P	L	P
Mencari Pekerjaan	0	0	0	0	7	24
Dipengaruhi Kawan	0	0	6	5	56	217
Ikut Kekasih	0	0	0	2	9	256
Ditipu Dijadikan Pelacur	0	0	0	0	0	0

Tidak Minat Belajar	0	0	0	1	23	15
Mencari Kebebasan di Luar Rumah	1	0	4	3	43	164
Penagihan Dadah	0	0	0	0	0	1
Berselisih Fahaman dengan Keluarga	1	1	5	1	38	73
Kurang Mendapat Perhatian Keluarga	0	0	1	0	4	4
Gagal Peperiksaan	0	0	0	0	0	0

Mahu bebas, selisih faham antara faktor lari

● Dari muka 1

Sebahagian besar adalah remaja berumur 13 hingga 17 tahun, kecuali 14 kes yang semuanya membabitkan gadis sunti berusia sembilan hingga 12 tahun.

Gejala itu makin membimbangkan kerana 549 kes direkodkan tahun lalu berbanding 493 kes pada 2010. Setakat Jun tahun ini pula polis sudah menerima 267 laporan.

Bagaimanapun, berdasarkan laporan yang diterima oleh polis, punca utama remaja lari dari rumah ialah terpengaruh dengan kawan.

Sebanyak 74 peratus daripada kes terpengaruh dengan kawan membabitkan perempuan atau 1,061 daripada keseluruhan 1,436 kes.

Dua lagi faktor utama ialah mencari kebebasan di luar rumah dan berselisih fahaman dengan keluarga, di samping punca lain seperti hilang minat belajar, mencari pekerjaan, kurang mendapat perhatian keluarga dan penagihan dadah.

Selain itu, kegagalan dalam peperiksaan turut menjadi alasan lapan remaja perempuan lari da-

ri rumah pada 2010 dan 2011, namun tiada kes dilaporkan setakat Jun lalu.

Lebih mengejutkan, kanak-kanak berumur lapan tahun ke bawah turut mencatat kes lari dari rumah kerana berselisih fahaman dengan keluarga yang membabitkan dua perempuan pada 2010 dan dua lelaki pada 2011. Selain itu, masing-masing seorang perempuan dan lelaki berbuat demikian setakat Jun tahun ini.

Turut menjadi punca remaja lelaki dan perempuan lari dari rumah ialah mencari kebebasan di luar rumah.

Didikan ibu bapa penting

"Bagaimanapun, paling penting ialah didikan ibu bapa dalam membentuk remaja yang mempunyai jati diri tinggi," katanya.

Lam Thye juga berkata, gejala remaja lari mengikut kekasih amat membimbangkan kerana mereka mudah tertarik dan mengikut pelawaan kekasih yang dapat memberi perhatian serta kegembiraan dan mendengar keluhan hati mereka.

Katanya, tambahan pula dalam kesedaran kemajuan dunia siber, remaja mempunyai akses mudah dengan orang luar melalui pelbagai saluran terutama telefon bimbit, Facebook dan Twitter.

Sehubungan itu, beliau berkata, ibu bapa perlu prihatin, tegas dan seimbang, iaitu tidak terlalu keras atau memberi kebebasan melampau kepada anak.

"Ibu bapa juga harus memantau gerak geri anak dan memastikan mereka tidak menyalahgunakan ruang siber sehingga terjerumus dalam gejala negatif yang menjejaskan masa depan," katanya.

Kes hilang, lari rumah 2011

5,987 kes

3,289 ditemui


3,980 perempuan

1,697 lelaki

3,408 Melayu

715 Cina

873 India



Mencari kebebasan di luar rumah antara punca remaja lari dari rumah.